



KERATAN AKHBAR ONLINE

Tajuk	:	Rela, Perhilitan Atasi Masalah Gangguan Monyet Liar
Tarikh	:	24 Jan 2010
Sumber	:	Utusan Online (Selatan)
Ruangan	:	News

Rela, Perhilitan atasi masalah gangguan monyet liar

SEREMBAN 23 Jan. - Penduduk di sekitar kawasan Paroi kini boleh menarik nafas lega apabila masalah gangguan monyet dan lotong liar yang menghantui mereka sejak beberapa tahun lalu 'diselesaikan' melalui Operasi 'Basmi Musuh Tanaman' pagi ini.

Operasi bermula pukul 9 pagi dan berakhir tengah hari tadi melibatkan 40 anggota Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan tiga pegawai dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) daerah Seremban.

Lebih 40 ekor monyet dan lotong liar berjaya 'ditumpaskan' selepas sekian lama bermaharajalela di kawasan perumahan sekitar kawasan itu

Pengarah Rela negeri Mejar (B) Shamsudin Yusoff berkata, operasi itu dilakukan di lebih 10 taman perumahan di sekitar Jalan Paroi - Senawang.

"Operasi ini dilakukan secara berkumpulan di kawasan yang kerap diganggu monyet dan lotong," katanya ketika ditemui di sini hari ini.